

Masyarakat tak wajar sisihkan pesakit mental

LAPORAN bahawa se-kurang-kurangnya se-orang daripada lima rakyat negara ini berisiko gila jika mengalami masalah kesihatan mental dan tidak mendapatkan rawatan dengan segera serta teratur, ternyata membimbangkan.

Ramalan itu berasas jika mengambil kira hasil Kaji Selidik Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Ke-3 yang menunjukkan semakin ramai rakyat Malaysia menderita masalah kesihatan mental.

Lebih membimbangkan, masalah gangguan fikiran dijangka tersenarai di tangga kedua penyakit utama dunia

selepas penyakit jantung koronari menjelang 2020. Ini ditambah dengan kesedaran masyarakat terhadap rawatan bagi penyakit mental kian menurun berdasarkan hanya 1.2 hingga 1.5 peratus merujuk kes mereka ke pusat kesihatan kerajaan dalam tempoh tiga tahun, berbanding jumlah keseluruhan pesakit yang berurusan atas pelbagai masalah kesihatan.

Pelbagai faktor boleh menyumbang kepada gangguan kesihatan mental. Antara penyumbang utama kepada masalah kesihatan mental ia itu sejarah keluarga (dalam) dan persekitaran. Pel-

bagai sebab lain seperti stres, tekanan kerja, hubungan sosial, personaliti introvert ia itu seorang yang cepat putus asa, tak suka bergaul dan sebagai juga boleh menyumbang kepada masalah kesihatan mental.

Tidak dapat dinafikan, gangguan mental boleh dikaitkan dengan kesan sampingan kemajuan yang dicapai sesebuah negara. Seseorang individu gagal menyesuaikan diri dengan kemajuan, ditambah pula dengan punca lain menyebabkan mereka mudah mengalami gangguan mental.

Dalam menghadapi kesan

pelbagai kemajuan dan cabaran sosial semasa, peranan institusi keluarga adalah amat penting. Dasar Keluarga Negara (DKN) yang diwujudkan hasil kesedaran mengenai pentingnya melahirkan generasi berkualiti dalam memacu negara menjadi negara maju diharapkan menjadi benteng kepada institusi keluarga menghadapi pelbagai cabaran sosial semasa. Ini termasuk menangani isu pesakit mental yang sering menjadi sisihan keluarga dan masyarakat.

Pesakit mental sering disisihkan dalam masyarakat dan keluarga serta meneri-

ma persepsi negatif daripada kedua-dua golongan ini. Apa yang paling utama ialah persepsi masyarakat mengenai gangguan mental perlu diubah. Anggapan bahawa pesakit kesihatan mental sebagai 'orang gila' dan mereka disisihkan keluarga tidak akan banyak membantu pesakit mental. Sepatutnya orang terdekat dengan pesakit perlu memberi sokongan dan membawa pesakit mendapatkan rawatan.

**PROF MADYA DATIN
DR SAPORA SIPON,**
*Universiti Sains
Islam Malaysia (USIM).*